

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
AJARAN HAJI ZULKIFLI ISMAIL**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Laporan ini dikemukakan kepada Ahli Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor untuk mendapatkan pertimbangan mengenai ajaran yang dibawa oleh Zulkifli Haji Ismail.

**2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Nama beliau ialah Zulkifli b. Ismail, menetap buat kali terakhir di alamat Batu 13, Jalan Puchong (berhadapan dengan Petronas), rumah kayu dua tingkat bercat putih. Telah berkahwin dan mempunyai empat orang anak. Isteri pertama beliau telah dicerai dan tinggal di Kemaman, Terengganu.
- 2.2 Tiada rekod yang didapati mengenai pendidikan beliau. Beliau tidak lancar membaca al-Quran dan pada kebiasaannya beliau meminta pengikut beliau yang lancar dan fasih membaca al-Quran. Semasa pengajian beliau tidak membuka apa-apa kitab kecuali al-Quran terjemahan dan kebanyakan kelas-kelas pengajian adalah berbentuk ceramah umum dengan mencampuradukkan pelbagai bidang ilmu yang terlintas di fikiran beliau.
- 2.3 Jumlah Pengikut beliau dianggarkan antara 300-400 orang. Sejak ajaran ini di kesan pengikutnya terdiri daripada pegawai-pegawai dari Syarikat Celcom. Ajaran ini telah mengambil 20-30 orang penagih dadah untuk menjadi pengikut setia, ditempatkan di markas tersebut dengan dibiayai sepenuhnya oleh kakitangan Celcom. Walaubagaimanapun terdapat juga seramai 15-20 pelajar Universiti Islam Antarabangsa(UIA) dan beberapa orang pelajar Universiti Putra Malaysia(UPM) telah terlibat dengan ajaran ini.
- 2.4 Ajaran ini telah berpindah-pindah tempat apabila mengetahui kegiatan mereka telah dapat dikesan oleh pihak berkuasa iaitu bermula dari Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Ampang, Cheras dan pada

akhir tahun 1996 kumpulan ini telah mendirikan sebuah bangunan surau kayu dua tingkat yang masih di dalam pembinaan bertempat di Desa Pengasih, Bukit Cerakah, Mukim Ijok, Kuala Selangor.

### 3. CIRI-CIRI AJARAN

#### 3.1 Akidah.

- 3.1.1 Guru ajaran ini menyatakan bahawa al-Quran yang ada sekarang adalah hiasan sahaja adapun al-Quran yang sebenar adalah di dalam diri kita.
- 3.1.2 Mengadakan upacara pertapaan sekurang-kurangnya tiga hari. Pertapaan ini dipanggil *Uzlah*, pertapaan ini adalah disebabkan melanggar pantang larang ajaran. Setiap pengikut yang sedang dalam pertapaan boleh pulang ke rumah tetapi tidak boleh masuk rumah. Di antara tempat pertapaan ini ialah di Puncak Kasih (Kuala Selangor), Gunung Jerai (Kedah), Linggi (Negeri Sembilan) dan Jenagor, Kuala Brang (Terengganu).
- 3.1.3 Mengadakan zikir di sekeliling sebuah makam bernama Mohamed Syarif Al-Baghdi di Jenagor, Kuala Berang, Terengganu. Makam ini juga digelar dengan nama makam Tok Ayah.
- 3.1.4 Ajaran ini mewajibkan kepada pengikut yang baru dengan mengadakan bai'ah, upacara bai'ah ini hendaklah disaksikan oleh dua orang pengikut lain yang telah melakukan bai'ah.
- 3.1.5 Setiap pengikut ajaran ini diwajibkan membuat ikrar dengan mengorbankan harta benda kepada pentadbiran ajaran ini. Sehubungan itu terdapat pengikut ajaran ini menghabiskan pendapatannya untuk diberikan kepada ajaran tersebut.

3.1.6 Pengikut ajaran ini tidak dibenarkan mengawinkan anak mereka dengan orang luar sebaliknya perkahwinan hendaklah dikalangan anak-anak ahli sahaja.

### 3.2 Fekah

3.2.1 Kebanyakan pengikut ajaran ini tidak mendirikan sembahyang jumaat dan apabila ditanya mereka memberikan pelbagai alasan.

3.2.2 Melakukan Takbir dan Tahmid sejak awal Ramadhan hinggalah Hari Raya, Takbir ini diadakan beramai-ramai.

3.2.3 Ajaran ini juga adalah menetapkan Maqom seseorang pengikut jesteru itu sof-sof di dalam sembahyang mempunyai tempat orang-orang tertentu. Sekiranya seseorang itu tiada maka tempat itu akan di kosongkan, ini adalah disebabkan makmum di barisan belakang belum sampai maqom dan tidak layak memenuhi sof yang kosong di hadapan.

3.2.4 Ajaran ini menegaskan bahawa isteri-isteri yang tidak mahu mengikuti ajaran ini hendaklah diceraikan. Adalah didapati bahawa layanan yang diberikan kepada isteri pengikut ajaran ini amat bertentangan dengan hak-hak seseorang isteri.

## 4. **PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti mengikut hukum yang mukatabar didalam Islam dan keputusannya adalah seperti berikut:

**“Jawatankuasa Fatwa kali 5/98 memutuskan agar kajian yang lebih mendalam dilakukan keatas ajaran ini dengan menumpukan kepada persoalan-persoalan berikut:**

- a) **Penyelewengan dari sudut akidah**
- b) **Kesalahan yang jelas dari sudut ibadat dan syariat**

**Jawatankuasa juga mengesyorkan agar guru ajaran ini dipanggil secara resmi dalam sesi soal jawab, bagi mendapatkan penjelasan berkaitan ajaran beliau.**

Maklum Balas: Perkara ini telah dimaklumkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan JAIS.